

PENGUNAAN ICT DAN PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PELAJAR MASA KINI

ICT USE AND THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA ON TODAY'S STUDENTS

Nur Raihan binti Mohamad ¹
Prof Madya DR Hadenan Bin Towpek ²

¹Academi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: reyhanis.cute86@gmail.com)

²Academi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: hadenan298@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 6-6-2025

Revised date : 7-6-2025

Accepted date : 22-12-2025

Published date : 29-12-2025

To cite this document:

Mohamad, N. R., & Towpek, H. (2025). Penggunaan ICT dan pengaruh media sosial terhadap pelajar masa kini. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 309 – 319.

Abstrak: Kertas kerja ini akan membincangkan penggunaan ICT dan pengaruh media sosial terhadap akhlak pelajar masa kini. ICT dan Media sosial adalah satu medium yang baik untuk bersosial sekaligus mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia selain mendapat kenalan baru dan berhubung dengan kenalan lama yang telah terputus hubungan komunikasi. Pengguna media sosial dalam menggunakan media sosial seperti Facebook, Tiktok, Instagram dapat memberikan Impak kepada pelajar masa kini kerana sikap ingin tahu dan ingin cuba perkara baru dikalangan mereka. Media sosial juga boleh dijadikan medium dakwah untuk menarik minat remaja bagi mengelakkan gejala sosial yang semakin berleluasa sehingga kini. Pengkaji telah memilih hanya pengguna dalam talian secara rawak dalam aplikasi Facebook kerana penggunaannya yang meluas. Jumlah keseluruhan pengguna yang dipilih 100 orang. Artikel ini menggunakan kaedah soalan kaji selidik. Terdapat 20 soalan yang mudah difahami dan sebanyak 100 sampel telah diedarkan secara dalam talian. Hasil kajian menunjukkan impak penggunaan ICT dan pengaruh Media Sosial dikalangan pelajar mampu membantu pelajar ke arah kecermelangan di dunia mahupun akhirat dan penggunaannya hendaklah mengikut Syariat Islam serta menjadikan kecanggihan ICT dan Media sebagai medium dakwah bagi diri sendiri dan masyarakat sekitar.

Kata Kunci: ICT, Media, Akhlak, Peranan, Fungsi, Impak

Abstract: This paper will discuss the use of ICT and the influence of social media on the morals of today's students. ICT and social media are a good medium for socializing and strengthening human relationships, as well as making new acquaintances and reconnecting with old acquaintances who have lost contact. Social media users in using social media such as Facebook, Tiktok, Instagram can have an impact on today's students because of their curiosity and willingness to try new things. Social media can also be used as a medium of da'wah to attract the interest of teenagers to avoid social anxiety which is increasingly prevalent today. The researcher has selected only online users randomly in the Facebook application because

of its widespread use. The total number of users selected is 100 people. This article uses the survey question method. There are 20 easy-to-understand questions and a total of 100 samples have been distributed online. The research findings indicate that the use of ICT and the influence of social media among students can help them achieve excellence in both worldly and spiritual aspects, and its use should comply with Islamic law while making the sophistication of ICT and media a medium for preaching to oneself and the surrounding community.

Keywords: *ICT, Media, Morals, Roles, Functions, Impact*

Pengenalan

Perkembangan dunia teknologi dan telekomunikasi serta projek Multimedia Super Corridor (MSC) telah menempatkan Malaysia dalam hubungan global antara negara-negara maju di dunia. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memaksimumkan penggunaan ICT dan media sosial dalam mentransformasikan masyarakat Malaysia kepada masyarakat bermaklumat (knowledge based society). Kemajuan teknologi internet dan multimedia begitu menonjol dalam sektor awam dan swasta. Secara umumnya, institusi pendidikan di Malaysia menggunakan rangkaian media sosial untuk meningkatkan imej mereka dalam menyampaikan tawaran pendidikan dalam persekitaran yang semakin kompetitif (Amaral & Santos, 2020).

Walaubagaimanapun, kajian yang dibuat oleh Azizan *et al.*, (2019), pelajar banyak meluangkan masa dengan teknologi canggih seperti telefon bimbit yang banyak media sosial di dalamnya. Media sosial yang menghidangkan hiburan yang pelbagai, menyebabkan ramai pelajar terleka dan menghabiskan masa berjam-jam tanpa memikirkan kesan sampingan yang berlaku kerana terleka dengan media masa yang digunakan pada waktu itu. Ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu pengetahuan serta cara penggunaan ICT dan media sosial bagi pembentukan akhlak dan medium dakwah bagi pelajar sekolah masa kini.

Penyataan Masalah

Melalui penggunaan internet pelajar boleh menimba ilmu pengetahuan serta contoh-contoh yang praktikal. Kemudahan hipermedia dan multimedia telah memudahkan pendekatan dan kaedah belajar yang tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya menggunakan kaedah tradisional. ICT menyediakan kaedah dengan memberi penekanan kepada penciptaan dan penerokaan ilmu secara aktif selain daripada menerima ilmu secara sehalu sahaja.

Dalam keadaan ini terdapat peranan ICT dari segi meningkatkan mutu dan mempelbagaikan penyampaian dan pengajaran melalui penggunaan internet, bahan-bahan multimedia disamping bahan pengajaran yang sedia ada. Bahan-bahan multimedia interaktif dibangunkan dengan menggunakan bahan visual grafik, teks, muzik, video serta animasi yang membantu mengukuhkan lagi kefahaman pelajar terhadap sesuatu konsep. (Anita Ismail, Farah Laili dan Sakinah Ahmad, 2021). Pendedahan peranan Ict bukan sahaja membantu pelajar mengetahui ilmu baru bahkan pelajar dapat mengaplikasikan penggunaan Ict bagi menghadapi cabaran masa kini. Teknologi canggih ini jika tidak digunakan dengan sebaiknya maka akan terjadinya masalah sosial dikalangan pelajar kerana teknologi dunia tanpa sempadan ini lagi memudahkan pelajar mempelajari sesuatu yang bertentangan dengan ajaran islam.

Penggunaan internet dapat menyediakan sumber yang begitu luas kepada guru dan juga pelajar untuk meneroka, mencari bahan pengajaran atau rujukan serta penyelidikan kajian lampau dan yang terkini. Melalui portal-portal pendidikan yang disediakan sama ada portal tempatan atau

luar, guru dan pelajar dapat memanfaatkan sebaik mungkin. Disamping itu, pelajar dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan yang baru dan yang penting sekali, setiap bahan di dalam portal sentiasa dikemaskini berbanding dengan buku teks yang diperbaharui lima tahun sekali. (Zalina Yahaya, 2001). Melalui penggunaan komunikasi elektronik (e-mail), net meeting, chat room dan sebagainya guru dan pelajar dapat bertukar-tukar idea sesama sendiri atau dengan guru dan pelajar dari sekolah yang lain. Pertukaran maklumat dengan sekolah dari luar negara akan lebih digalakkan memandangkan faedah dari segi meningkatkan komunikasi guru dan pelajar disamping mendapat ilmu baru mengenai kebudayaan dan negara masing-masing tanpa batas ruang dan masa. Pantauan terhadap pelajar perlu dilakukan oleh guru dan ibubapa supaya mereka tidak membuka laman web yang tidak senonoh dan boleh merosakkan minda pelajar sekolah. Kesan daripada itu, akan lahir generasi cenderung kepada budaya barat sehingga menderhaka kepada ibubapa (Azizi Yahaya et al., 2010).

Manakala, Media sosial mempunyai sifat interaktif apabila dibandingkan dengan bentuk media tradisional seperti radio dan televisyen. Melalui media sosial kita dapat berinteraksi secara langsung dengan orang lain (Leonard, 2016). Media sosial merupakan saluran komunikasi digital yang mana para pengguna boleh berkongsi maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi dengan dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama. Media sosial menjadi platform masa kini yang disenangi oleh semua penggunanya (Hudson et al. 2015).

Kewujudan teknologi di hujung jari ini sedikit sebanyak telah membantu dalam kehidupan terutamanya dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat. Namun, penggunaan teknologi ini mempunyai kebaikan dan keburukan (Hussin, et. Al., 2019). Manakala menurut Muhamad Helmi, Mohd Yusoff (2024) kajian mendapati impak penggunaan media sosial dalam aktiviti pembelajaran mempunyai kesan ketara terhadap prestasi pelajar serta hubungan yang baik dan kukuh. Kebaikan dan keburukan internet juga mempengaruhi akhlak serta kehidupan pelajar masa kini jika tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang sebaiknya maka pelajar akan terjerumus gejala sosial. Jika sebaliknya, akhlak pelajar akan menjadi lebih baik dan masalah keruntuhan akhlak akan semakin berkurang.

Tinjauan Literatur

Penggunaan ICT dan pengaruh media sosial di kalangan pelajar sekolah menengah dapat dibahagikan kepada beberapa perkara penting seperti perkara di bawah ini;-

Media Sosial Sebagai Alat untuk Menyampaikan Ilmu dan Ideologi

Pelbagai fungsi ditawarkan oleh internet kepada pengguna di seluruh dunia. Kajian Umar dan Samsudin (2010) mendapati internet digunakan oleh masyarakat Islam untuk mencari maklumat berkaitan isu agama Islam seperti urusan menunaikan haji dan umrah, hukum-hakam, isu-isu semasa dalam Islam dan dunia, mendapatkan nasihat mengenai adab, aqidah, sirah dan tamadun Islam dan sebagainya. Selain itu, umat Islam juga menjadikan internet sebagai sumber untuk mempelajari lebih banyak ilmu tentang Islam seperti mencari maklumat tentang agama, kepercayaan, amalan serta perayaan (Lovheim 2008; Haslin & Hamdzun 2013; Kosheleva 2013) Pelbagai maklumat dan ilmu dapat disebarkan kepada masyarakat sekeliling sama ada dalam atau dalam luar negara. Media sosial juga membantu menyebarkan pengaruh budaya dan ilmu yang luas bagi pengetahuan pelajar mengikut peredaran semasa. Hal ini bertepatan dengan petikan al-Quran kelebihan orang yang berilmu dan menyebarkan ilmu dalam firman Allah SWT:

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang daripada tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila kamu diminta bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.*

(Surah al-Mujadilah, 58: 11)

Media Sosial Sebagai Alat Dakwah dan Penyebaran Maklumat

Penggunaan media sosial bagi menyampaikan mesej agama digunakan sejak zaman Rasulullah SAW. Komunikasi dalam Islam adalah berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah dan dakwah, iaitu meliputi perilaku sebagai khalifah Allah s.w.t di bumi disamping mengajak manusia kepada kebaikan mengikut syariat Islam. Setiap mesej dakwah yang disampaikan perlulah berlandaskan syarak yang mana hubungan antara komunikasi dan dakwah ini memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat setempat (Ghazali, 2007). Menurut Zulkiple (2001), penggunaan media sosial seperti Facebook dan Twitter dapat memberi keupayaan yang menyeluruh dalam penyebaran mesej dakwah disebabkan kepantasannya dan bersifat global. Ramai pendakwah yang terkenal menggunakan media sosial sebagai platform bagi meluaskan mesej dakwah mereka. Antara pendakwah tempatan terkenal yang menggunakan media sosial seperti Facebook, Tiktok, Instagram dan Youtube untuk berinteraksi dan berkongsi ilmu ialah Ustaz Kazim Elias, Don Daniyal dan Ustaz Azhar Idrus. Hal ini demikian menunjukkan bahawa di samping program TV atau mana-mana jenis media yang lain mereka masih menggunakan media sosial sebagai medium tambahan untuk misi dakwah. Umat Islam juga diberi tuntutan dan tanggungjawab untuk menitikberatkan konsep amar makruf dan nahi mungkar. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman,

Maksud: *Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah daripada yang mungkar; merekalah orang yang beruntung.*

(Surah Ali 'Imran, 3: 104)

Media Sosial Sebagai Platform Memupuk Persahabatan

Platform sosial ini seakan menjadi satu kemestian bagi pengguna bahkan pelajar juga terpengaruh untuk melayari bagi tujuan berkomunikasi, bertukar-tukar pandangan, berkongsi pendapat dan minat, memuat naik dan memuat turun video atau gambar di samping membincangkan isu semasa secara santai dan terbuka. Hal ini sekaligus memupuk talian persahabatan dan merapatkan silaturrahim dengan keluarga dan rakan. Penggunaan media sosial ini juga menyumbang kepada pembangunan komunikasi yang kukuh antara pelajar dengan pelajar yang lain. Agama Islam sangat menjaga kepentingan menjaga silaturrahim bukan sahaja sesama ahli keluarga malah sesama manusia. Dalilnya, petikan daripada hadis berikut yang menerangkan betapa pentingnya menjaga silaturrahim (Al-Bukhari, 2001: 5984; Muslim, t.th.: 2556):

Maksud: *Jubair bin Muthim RA daripada bapanya bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim (hubungan kekeluargaan)".*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Media Sosial Sebagai Platform Pendidikan

Pendidikan boleh ditafsirkan sebagai proses memperoleh ilmu pengetahuan terutamanya pendidikan islam bagi membantu manusia untuk berfikir secara rasional dan menambahbaik sesuatu benda bagi kemudahan manusia sejagat. Setiap manusia pasti akan memperoleh pendidikan yang membolehkan mereka memperoleh ijazah dan sijil untuk bekerja selepas tamat pengajian. Jika dilihat dari perspektif yang lain, pendidikan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pendidikan jarak dekat dan pendidikan jarak jauh. Pendidikan jarak jauh ialah teknik pembelajaran yang verbal di mana tenaga pengajar (cikgu atau pensyarah) tidak berhadapan dengan pelajar. Sistem ini menggunakan media sosial sebagai platform bagi mengaplikasikan sistem ini. Era globalisasi telah banyak membawa perubahan terhadap pembelajaran murid pada masa kini. Lantaran itu, iklim pembelajaran murid yang berkesan dan harmoni perlu diimplementasikan bagi mencapai kecemerlangan pendidikan (Izzah Ibrahim & Tengku Nor Faizul Tengku Embong, 2022). Pendidikan merupakan satu perkara yang amat penting dalam membentuk dan menentukan kualiti hidup seseorang individu dalam menghadapi cabaran dan perubahan yang drastik pada masa hadapan. Menurut Muhammad Luqman Hakim Mazlan & Suriany Mat Nor, 2022), kesediaan merupakan satu keperluan sebelum melaksanakan pengajaran khususnya pengajaran secara dalam talian yang merupakan satu kaedah baru dalam dunia pendidikan.

Dalam konteks ini, jaringan sosial misalnya internet memainkan peranan yang dominan dalam menjayakan sistem ini yang mana ia membolehkan pelajar berdikari dan tidak hanya bergantung kepada tenaga pengajar untuk memperoleh sesuatu ilmu. Selain itu, kemudahan komunikasi antara pelajar dan tenaga pengajar juga mudah bagi berkongsi ilmu dan pendapat. Contohnya, Whatsapp, Telegram, emel dan platform pengajaran pembelajaran seperti Microsoft Team, Zoom, Google Meet dan lain-lain. Hal ini dapat memupuk interaksi pembelajaran antara pelajar dan tenaga pengajar walau di mana sahaja mereka berada. Sehubungan dengan itu, sistem *e-learning* yang diperkenalkan oleh beberapa universiti di Malaysia memainkan peranan yang vital dalam kalangan pelajar untuk mengakses nota dan tips yang dimuatnaik oleh pensyarah. Pengguna terutamanya golongan remaja yang masih bersekolah atau masih belajar di universiti dapat mengakses informasi dengan hanya satu klik sahaja selari dengan tema segala maklumat berada di hujung jari.

Kelestarian peranan dan fungsi ICT dan media sosial ini amatlah penting bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan para pengguna media sosial supaya tidak berlakunya isu negatif seperti fitnah sesama masyarakat, wujudnya 'racism' dan sebagainya sekali gus memudahkan orang ramai untuk menyampaikan maklumat serta melakukan perbincangan tentang sesuatu hal (Johari, Baharuddin & Ihwani, 2019).

Peranan ibubapa sebagai pembimbing dan pemantau anak-anak dalam penggunaan ICT dan Media sosial.

Peranan ibu bapa dalam memantau anak-anak mereka dalam menggunakan ICT dan media sosial amatlah penting terutamanya bagi membentuk sahsiah diri anak-anak ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana pendidikan bermula dari rumah sejak bayi mula memperelajari sesuatu yang baru daripada ibubapa mereka. Mereka tidak tahu membezakan mana yang baik dan mana yang buruk. Oleh sebab itu, ibu bapa perlu belajar dan memahirkan diri dengan penggunaan teknologi maklumat. Perkara itu bukanlah sukar kerana semua maklumat boleh diperoleh di hujung jari saja dengan kemudahan teknologi Internet. Antara salah satu langkah yang boleh diambil untuk memantau boleh dilakukan menggunakan perisian dan aplikasi yang disediakan

husus kepada ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet dan telefon pintar anak mereka seperti “Parental Control”, “Kid Mode” dan “Kid YouTube”.

Beberapa syarikat telekomunikasi turut menyediakan tapisan untuk ibu bapa menyaring penggunaan Internet sekiranya tidak mahu anak mereka mengakses kepada laman pornografi dan keganasan. Selain itu, ibu bapa perlu mengetahui kata laluan gajet dan telefon pintar anak bagi membolehkan mereka melakukan pemeriksaan terhadap kandungan yang disimpan dalam alat peranti itu untuk mengetahui kegiatan dilakukan mereka terutama dalam menggunakan media sosial dan aplikasi sembang.

Metodologi Kajian

Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan mix metode analisis kandungan dengan rujukan lampau serta tinjauan lapangan melalui soalan kaji selidik dan temubual. Data diambil secara pemerhatian secara menyeluruh di platform Media sosial seperti Facebook. Pemilihan dibuat antara tempoh Januari 2024 sehingga Disember 2024. Terdapat beberapa langkah dan prosedur yang perlu dijalankan dalam kajian ini sebelum ia menjadi satu penyelidikan yang lengkap.

Langkah pertama adalah dengan mengenal pasti masalah utama. Bagi mendapatkannya, kajian melalui pelbagai sumber rujukan telah dibuat seperti penelitian dan pembacaan jurnal, majalah, surat khabar, artikel, internet dan buku-buku berkaitan. Pengkaji telah memilih hanya pengguna dalam talian secara rawak dalam aplikasi Facebook kerana penggunaannya yang meluas. Jumlah keseluruhan pengguna yang dipilih 100 orang. Artikel ini menggunakan kaedah reka bentuk tinjauan (survey) bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan pengguna ICT dan Media dikalangan remaja peringkat sekolah menengah. Terdapat 20 soalan yang mudah difahami dan sebanyak 100 sampel telah diedarkan secara dalam talian.

Dapatan Kajian

Penggunaan ICT amat penting masa kini disamping itu pengetahuan mengenai ICT dan media sosial amat penting bagi mengelak pengaruh serta kesan yang buruk jika penggunaan media sosial tidak dimanfaatkan sebaik-baiknya. Seramai 100 sampel telah diperolehi bagi menjayakan kajian ini. Seramai 50 orang lelaki (50%) dan 50 orang perempuan (50%) yang telah menghantar soalan kaji selidik. Sampel bagi kajian ini adalah seramai 100 orang (100%) sahaja. Seramai 45% mengetahui kepentingan dan kelebihan apabila mempunyai ilmu pengetahuan tentang penggunaan ICT dan mediasosial kadar peratusan 50% (50 orang) tahap penguasaan yang tinggi manakala 25% (25 orang) tahap penguasaan yang sederhana. Manakala peratusan 25% (25 orang) lagi mempunyai tahap penguasaan pengetahuan yang rendah dan hanya menggunakan saja ICT dan media sosial tanpa pengetahuan yang lain.

Manakala tahap kemahiran pengguna ICT dan Media sosial seramai 55% (55 orang) berada tahap yang mahir, 25% (25 orang) berada tahap kurang mahir dan 20% (20 orang) tidak mahir. Kebanyakan pengguna yang mahir mempunyai latar belakang keluarga yang mampu menyediakan pendidikan yang secukupnya serta kerap menggunakan ICT dan media sosial, manakala pengguna yang kurang mahir dan tidak mahir kebanyakannya bukan keluarga yang mampu, keluarga kurang mengetahui pengetahuan ICT dan Media sosial dan tidak selalu menggunakan ICT dan Media sosial dalam kehidupan mereka.

Tahap kekerapan penggunaan ICT dan media Sosial adalah seramai 50 orang remaja (50%) sangat kerap menggunakannya, 40 orang (40%) penggunaannya secara sederhana dan bakinya 10 orang (10%) jarang menggunakannya.

Jadual 1: Jantina

Bil	Perkara	N	Kadar peratusan
1	Lelaki	50	100%
2	Perempuan	50	100%
Bil	keseluruhan	100	100%

Hasil kajian setelah soalkaji selidik telah dikembalikan sebanyak 100 keping antaranya lelaki sebanyak 50 orang dan perempuan yang mengikuti kajian ini juga sebanyak 50 orang.

Jadual 2: Taburan pengguna ICT dan Media sosial

Bil	Perkara	N	Kadar peratusan
1	Tahap penguasaan Pengetahuan ICT dan Media Sosial		
	Tinggi	50	50%
	Sederhana	25	25%
	Rendah	25	25%
2	Kemahiran menggunakan ICT dan Media sosial		
	Mahir	55	55%
	Kurang mahir	25	25%
	Tidak mahir	20	20%
3	Tahap kekerapan penggunaan ICT dan Media Sosial		
	Sangat kerap	50	50%
	Sederhana	40	40%
	Jarang	10	10%
	Jumlah keseluruhan	100	100%

Kesedaran untuk menguasai ilmu dalam bidang IT perlulah ditanam dalam masyarakat kerana ia mempunyai banyak kelebihannya dan keburukannya. Sebagai seorang Muslim, mencari ilmu berkaitan penggunaan teknologi ini merupakan fardu kifayah dan berdosa jika mengabaikannya. Pengguna media sosial hendaklah memiliki ilmu supaya penggunaannya membawa kepada kebaikan dan memberi manfaat kerana penggunaan media sosial. Ilmu pengetahuan mengenai ICT dan media sosial itu ialah untuk memastikan ia tidak menguasai kehidupan seseorang. Perkembangan teknologi juga salah satu anugerah Tuhan yang dihidiahkan kepada manusia sebagai makhluk yang mempunyai akal fikiran yang baik yang berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan (Jasmi, A. K., 2016; Jasmi, Kamarul Azmi, 2017). Penggunaan ICT dan media sosial untuk tujuan kebaikan akan memberi manfaat kepada penggunanya, namun mendatangkan mudarat sekiranya digunakan disebaliknya. Dalam menggunakan ICT dan berinteraksi dengan media sosial, banyak ruang keburukan dan ruang kebaikan kepada pengguna. Justeru, penting untuk kita menanganinya supaya penggunaan ICT dan media sosial tidak membawa kepada kemudatan.

Impak Penggunaan ICT dan Media Sosial

Impak penggunaan ICT dan media sosial amat penting di kalangan pelajar masa kini. menurut Nur Faizah, Nur Azimah & Wong Seng Yue (2023) Teknologi Multimedia menjanjikan potensi besar dalam sistem pendidikan negara terutamanya dalam Pendidikan Abad ke-21. Teknologi Maklumat dan Multimedia dalam Pendidikan Abad Ke-21 telah meluas digunakan dalam kalangan pendidik kerana mampu memberi kesan dalam meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kecanggihan Teknologi Multimedia telah merubah cara seseorang belajar, cara memperolehi maklumat dan cara menyesuaikan setiap maklumat. Kehadiran Teknologi Multimedia memberi harapan baru dalam era pendidikan kerana dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih bermutu tinggi dan berkesan. Teknologi Multimedia juga digunakan sebagai perantara dalam sesebuah penyampaian atau persembahan maklumat kepada para pelajar. Dengan adanya Teknologi Multimedia, seseorang murid boleh berinteraksi secara fizikal dan mental dengan media, seterusnya pencapaian akademik mereka akan turut meningkat.

Dari perspektif pendidikan, kajian lepas menunjukkan hasil hubungan antara ICT, media sosial dan prestasi akademik. Menurut (Hou, Xiong, Jiang, Song, & Wang, 2019) menyimpulkan bahawa impak berkorelasi negatif dengan prestasi akademik kerana berdasarkan kepada keputusan ukuran kedudukan diri prestasi akademik yang negatif dikaitkan dengan impak media sosial. Terdapat 3 sebab yang meyakinkan keputusan ini. Pertama, sosial impak media mungkin menunjukkan lebih banyak masa dihabiskan dalam talian dan kurang masa belajar. Pengurusan masa pelajar terganggu dan menjejaskan prestasi akademik. Menurut kajian Hou, Xiong, Jiang, Song, & Wang, 2019 yang kedua pula ialah, impak media sosial mengganggu pelajar menyiapkan tugas, kesan daripada gagal fokus. Kajian telah menunjukkan bahawa melakukan dua kerja serentak membahayakan pelaksanaan tugas tertentu. Akhir sekali iaitu yang ketiga, pelajar mengalami kesukaran memahami dan mengingat apa yang mereka pelajari sepanjang aktiviti pelajaran dan pembelajaran berlangsung dan pernyataan ini merujuk daripada (Hou, Xiong, Jiang, Song, & Wang, 2019).

Walau bagaimanapun, menurut (Fauzi, Mazlan, A Rahman, Ahmad Sharoni., & Isa, 2021) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara impak media sosial dengan prestasi akademik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan tidak menjejaskan prestasi akademik mereka. Prestasi pelajar itu kekal tidak berubah walaupun mereka impak terhadap platform media sosial. Dapatan ini konsisten dengan kajian lepas yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan prestasi akademik.

Manakala, menurut Nurul Izzah, et. al., (2021) kajian mendapati penggunaan media sosial tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar dari aspek keganasan dan pornografik, fesyen, hubungan silaturrahim serta perkataan dan perbuatan. Justeru itu, generasi pendidik harus bekerjasama dalam membina kembali kepimpinan akhlak para pelajar untuk menghasilkan graduan yang berkualiti berjaya bukan sahaja dalam bidang akademik malah juga berjaya dalam mempamerkan sahsiah yang baik.

Penutup

Kemajuan ICT dan Media sosial merupakan platform untuk berkomunikasi, menyebarkan maklumat dan idea, mengekalkan dan memperkukuh jaringan sosial dengan orang ramai. Terdapat pelbagai jenis media sosial seperti Aplikasi Facebook, Twitter, Instagram, Tik Tok dan sebagainya yang mempunyai fungsi tersendiri. Wujudnya ICT dan media sosial juga

memudahkan kita untuk mendapatkan maklumat terkini dan mendalami ilmu pengetahuan bahkan memudahkan para penyelidik untuk membuat kajian atau rujukan lampau tanpa batas ruang dan waktu. Pelbagai maklumat diperoleh hanya dengan satu klik pada telefon, komputer riba dan sebagainya.

Agama Islam harus dijadikan kayu pengukur atau garis panduan bagi menggubal segala standard etika penggunaan internet pada zaman kini. Hal ini juga sekali gus dapat meningkatkan daya pemikiran seseorang individu itu untuk memperkasakan penggunaan ICT dan media sosial secara kolektif bahkan Al-Quran dan As-Sunnah itu hendaklah dijadikan sebagai garis panduan ketika masyarakat menggunakan ICT dan media sosial dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam membendung masalah sosial dikalangan remaja ini hendaklah bekerjasama untuk mengelakkan masalah ini daripada berleluasa terutama sekali terhadap generasi muda di mana mereka mudah terpengaruh akan perubahan gaya hidup zaman sekarang. Tidak lepas juga, individu itu sendiri pun hendaklah memainkan peranan penting bagi meningkatkan kesedaran diri serta mantapkan diri dengan iman supaya dapat menjauhkan diri dengan masalah sosial yang makin parah sekarang ini.

Dasar-dasar kerajaan yang berhubung kait akan pendidikan dan budaya hendaklah meletakkan isu penyalahgunaan dan kesan negatif penggunaan ICT dan pengaruh media sosial ini sebagai perkara yang patut dititikberatkan agar dapat meningkatkan pemodenan dan pembangunan negara bangsa Malaysia. Penggunaan ICT dan Media sosial merupakan medium yang sangat berguna dan boleh memberikan banyak kelebihan kepada pengguna-pengguna media sosial. Walau bagaimanapun, kelebihan tersebut haruslah digunakan secara baik dan berhati-hati. Kematangan berfikir penting bagi setiap individu yang menggunakan ICT dan media sosial untuk menilai kebaikan dan keburukan setiap penggunaannya sekaligus memastikan akhlak pengguna menjadi semakin bertamadun dan berakhlak mulia.

Rujukan

- Ayub, et. Al.,(2019). *Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.) Abdul Rahim Mohd Saad (2001). *Teknologi maklumat dan komunikasi: Keperluan pertimbangan semula program pendidikan tinggi*. Kertas kerja dibentang di Seminar Dinamika Perubahan Pengurusan Menuju Era K pada 20 & 21 September 2001.
- Anita Ismail, et. al., (2021) *Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam*. E-Prosiding SAIS 2021.
- Azizi Yahaya et.al., (2010) *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja terhadap Tingkah Laku*. Unpublish. Retrieved from [http:// eprint.utm.my/id/eprint/10386/1/29.9.Gaya Asuhan Ibu bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku.pdf](http://eprint.utm.my/id/eprint/10386/1/29.9.Gaya%20Asuhan%20Ibu%20bapa%20Remaja%20Terhadap%20Tingkah%20Laku.pdf).
- Bahrudin Aris, Mohamad Bilal & Muhammad Kasim Basir. (2001). *Pembelajaran fizik secara kolaboratif menggunakan laman web dan internet*. Virtec Journal, 1-1
- Fazdli Adam, Marhana Anuar,. & Ab. Hamid Ali. (2014) *The Use Of Blog As A Medium Of Islamic Da'wah In Malaysia*. International Journal Of Sustainable Human Development, 2(2):74-80.
- Mohamad Sani Ibrahim & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2002) *Pengetua dan pembestarian sekolah*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Nasional Pengurusan Kepimpinan dan Pendidikan di Hotel Pan Pacific pada 16 – 19 Disember 2002.
- Muhd Helmi, Hayat Ma'hat & Muhd Zarir Yusoff (2024) *Hubungan antara impak pengguna media sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*. Jabatan Pengurusan Teknologi dan Peniagaan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Nordin, N. H., Mohammad, N. S., & Mohamad, A. M. (2019). *Media Sosial dan Instagram Menurut Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia.
- Nur Faizah Tun, Nur Azimah & Wong Seng Yue (2023) *Penggunaan teknologi multimedia terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia*. *Isu dalam pendidikan* 46, 2023. Universiti Malaya.
- Nurul Izzah Noor Zainan, & et.al (2021) *Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar : Suatu Tinjauan Awal*. Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (I-LEdHS2021).
- Rahim, M. H., & Hanafi, K. (2018). *Peranan Media Sosial Sebagai Ruang Awam Oleh Pemimpin Pelajar Badan Eksekutif Mahasiswa Universiti Di Pekanbaru, Riau, Indonesia Dalam Membentuk Gerakan Sosial (The role of social media as a public space among university student leaders in Pekanbaru, Riau, Indonesia in initiating forms of social movements)*. e-Bangi, 14(3).
- Samed, et. al.,(2019) *Konsep Amar Makruf dan Nahi Mungkar dalam Kerukunan Keluarga*. Kertas Kerja dalam Seminar Institusi Islam 2019. 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Umar Halim & Samsudin A. Rahim (2010) *Penglibatan digital: Akses dan penggunaan EAgama dalam kalangan generasi muda Muslim*. Jurnal Komunikasi, 27(2), 121-135.
- Ramlee and Abu Abdullah (2000). *Implementation of IT and multimedia-related courses in technical and vocational education in Malaysia*. Paper presented at International Conference on Teacher and Vocational Education in Malaysia, Petaling Jaya, November 21-23 2000.
- Zalina Yahaya. (2002, 15 Julai). *IT dan komputer: Nadi sekolah bestari*. Utusan Malaysia.
- Ziani. A.K. (2015). *Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections "A Study on a Sample of Young People"*. Journal New Media and Mass Communication. 37: 25-37.

Zulkiple, A. G. (2001). *Islam, komunikasi dan teknologi maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.